"DOF telah berjaya menunjukkan kejutan suhu (kaedah) yang mampu mengaruhkan pembenihan kerang di makmal. Pada 2018 lepas, sejumlah 10,000 kilogram (kg) induk kerang matang pelbagai saiz telah ditabur di Projek Kebun Kerang Lekir dan sekali gus menjadikan jumlah pendaratan benih kerang pada tahun berikutnya adalah sekitar 238.89 tan metrik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan penyerahan sijil MBOR kepada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Mohd Sufian Sulaiman sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Expo Agro Malaysia (MAEPS), di sini pada Ahad.

Ahmad berkata, sebelum pelaksanaan kajian itu, pengeluaran benih kerang di kawasan itu adalah pada kadar 20.97 tan pada 2016 dan 2017.

Tambahnya, terdapat tiga kaedah pembenihan aruhan kerang yang digunakan dalam kajian tersebut secara aruhan fizikal, kimia dan biologi. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA




**Ahmad (tengah) bersama Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, Razman Zakaria (dua dari kiri), Mohd Sufian (dua dari kanan), Penolong Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dr Azhar Hamzah (kanan) dan Perunding Rekod Kanan MBOR, Siti Hajar Johor bergambar bersama sijil MBOR sempena MAHA 2022 di MAEPS, Serdang pada Ahad.**

# Hasil kajian IPP pulih industri kerang negara

**Serdang:** Industri kerang negara kini pulih selepas mengalami masalah kekurangan bekalannya secara berterusan pada 2010 hingga 2016, sekali gus membolehkan Malaysia kembali menjadi pengeluar kerang terbesar di Asia Tenggara seperti era 1980-an.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pencapaian itu hasil kajian Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) sejak 2009, bermula dengan kajian oseanografi pantai bertujuan menilai kesesuaian cadangan tapak ternakan kerang.

Beliau berkata, selain itu, kajian batimetri yang komprehensif juga dilaksanakan bagi memahami keadaan arus, kedalaman dasar, trend perubahan suhu dan kemasinan air laut pada tarikh tertentu dalam sebulan.

"Hasil kajian ini, hari ini (semalam) kita peroleh dua sijil Malaysia Book of Records (MBOR), iaitu sijil kehadiran benih kerang terpanjang di Teluk Lekir, Manjung, Perak, iaitu selama 18 bulan untuk kita keluarkan benihnya.

"Seterusnya, sijil (MBOR) pendaratan paling banyak iaitu sebanyak 1,300 tan, yang akan dipindahkan untuk dibekalkan ke kawasan perairan dan pantai lain untuk menambahkan lagi benih kerang," katanya.

Terdahulu, beliau menyaksikan Majlis Pengisytiharan MBOR kepada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), yang berlangsung pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022, di sini, semalam.

## DOF perhebat kajian

Sementara itu, DOF dalam kenyataannya menyebut, kajian itu diperhebatkan selepas pola penurunan yang berterusan disaksikan dalam pendaratan kerang di Semenanjung, iaitu bermula 2010 sehingga 2016.

"Antara faktor penurunan adalah kekurangan benih kerang serta sukar peroleh bekalan. Ini disebabkan pembenihan secara semula jadi sukar dijangka dan diurus dengan baik," katanya.

Susulan itu, katanya, Projek Kebun Kerang Lekir, Manjung, Perak dilancarkan pada 2020, dengan menawarkan 25 lot (21 hektar/lot) dan diusahakan lapan hingga 10 penternak.

"Selain di Lekir, projek sama juga sedang dilaksanakan di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Merlimau hingga Sebatu, Melaka dengan kerjasama kerajaan negeri masing-masing," katanya.

Mengulas mengenai sambutan MAHA 2022, Ahmad berkata, setakat petang kelmarin, jumlah kehadiran direkodkan sudah mencecah sejuta pengunjung.




*Ahmad (tengah) menyaksikan penyerahan sijil MBOR oleh Perunding Rekod Kanan MBOR, Siti Hajar Johor kepada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Mohd Sufian Sulaiman (kanan) di MAHA, Serdang.*

# )OF terima dua anugerah
# ИBOR babit benih kerang

**rdang:** Jabatan Perikanan ılaysia (DOF) menerima a penganugerahan *Mala-a Book of Records* (MBOR) embabitkan Musim Keha-ran Benih Semulajadi Ke-ıg Terpanjang dan Pen-ratan Benih Kerang Se-ılajadi Terbesar dalam sa-musim iaitu dari 4 No-nber 2019 hingga 31 Mei ıun lalu di pantai Teluk kir, Perak.

Penganugerahan itu hasil ripada kajian Institut Pe-elidikan Perikanan (IPP) ak 2009 bermula dengan ian oseanografi pantai ıg bertujuan untuk me-ai kesesuaian cadangan ıak ternakan kerang.

Timbalan Menteri Perta-ın dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, DOF berjaya menunjukkan kejutan suhu mampu mengaruhkan pembenihan kerang di makmal.

Katanya, sehubungan itu, satu kajian untuk mengesahkan dapatan di makmal dijalankan pada 2018.

"Sejumlah 10,000 kilogram induk kerang matang pelbagai saiz telah ditabur pada 16 Oktober 2018 di Teluk Lekir.

"Sehingga kini jumlah pendaratan benih kerang pada 2019 sekitar 238.89 tan metrik.

"Terdapat tiga kaedah pembenihan aruhan kerang yang dilaporkan iaitu aruhan fizikal, kimia dan biologi," katanya di majlis penyerahan sijil MBOR kepada DOF di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2022, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) di sini, semalam.

Data pendaratan benih kerang di Teluk Lekir sebelum kajian adalah 20.97 tan metrik pada 2017 dan tiada pendaratan benih direkodkan pada 2016.

Sebelum projek pembenihan aruhan kerang oleh DOF, Teluk Lekir bukan satu lokasi kehadiran benih kerang yang terkenal berbanding Pontian dan Batu Pahat di Johor selain Sungai Bernam, Selangor dan Larut Matang, Perak.

Projek Kebun Kerang Lekir dilancarkan pada 2020 dengan menawarkan 25 lot dan diusahakan lapan hingga 10 penternak.

Selain di Lekir, projek yang sama juga dilaksanakan di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Merlimau hingga Sebatu, Melaka dengan kerjasama kerajaan negeri masing-masing.




DR Ahmad (dua dari kiri) melihat sijil MBOR pada Majlis Penyampaian Sijil Malaysia Book of Records (MBOR) sempena Maha 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

# Nilai jualan MADA RM197,080

**SERDANG:** Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berjaya mencatat jumlah jualan keseluruhan sebanyak RM197,080 di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2022.

Pengurus Besarnya, Kamarudin Dahuli berkata, MADA terlibat dengan pelbagai kluster di MAHA 2022 antaranya Agro Lifestyle, Agro Business, Agro Tourism, Agro Youth, Agro Edutainment dan Pavilion Kedah.

Menurut beliau, sambutan yang diterima oleh MADA daripada pengunjung amat baik kerana menawarkan penglibatan untuk mereka yang hadir mengalami pengalaman tersendiri dalam aktiviti-aktiviti berunsurkan pertanian.

"Kalau kita tengok pencapaian MADA untuk kluster Agro Lifestyle, pengunjung yang melawat kepada kluster kini adalah lebih daripada 32,652 orang dengan menawarkan 44 aktiviti menarik dan kita berjaya membawa keuntungan sebanyak RM103,536 sehingga semalam (kelmarin).

"MADA juga ada menjemput lima orang usahawan yang terlibat dengan kluster Agro Business, produk-produk mereka dibawa kepada MAHA untuk pengunjung. Istimewanya adalah produk tersebut berjaya mendapatkan pensijilan dan ada yang layak untuk dieksport ke luar negara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

MAHA 2022 berlangsung selama 11 hari bermula dari 4 Ogos lalu sehingga semalam dengan penawaran 22 segmen melibatkan sebanyak 1.28 juta pengunjung secara fizikal dan hibrid sejak kelmarin dengan nilai jualan keseluruhan berjumlah RM25.4 juta.

Mengulas lanjut, Kamarudin berkata, usahawan-usahawan dibawa oleh badan tersebut berjaya mencapai kecemerlangan apabila terdapat ejen yang berminat untuk membeli atau mendapatkan produk mereka bagi dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

"Ia adalah satu pertemuan yang baik antara usahawan MADA dengan pihak-pihak yang berminat untuk memasarkan produk tersebut kerana ia akan membantu pembangunan dan perkembangan usahawan itu sendiri," jelasnya.

Sementara itu, empat orang usahawan MADA lain ditempatkan di kluster Agro Pelancongan untuk memperkenalkan produk-produk yang agak eksotik atau jarang didapati di kebanyakan tempat dalam negara.

"Contoh produknya adalah nira nipah yang memang sukar untuk didapati di tempat lain. Jadi kita bawa ke sini, bukan sahaja membolehkan pengunjung merasai produk tersebut, tetapi mungkin membuka peluang berniaga di Kuala Lumpur.

"Kita juga mempunyai laman Agro Food Mekanisasi yang kita pamerkan jentera-jentera mekanisasi yang digunakan dalam industri pertanian. Jadi, untuk kali ini, kita membawa jentera pengumpul jerami padi. Kita tidak perlu bakar ia lagi, tetapi boleh dikumpul dan dijadikan sebagai makanan ternakan," katanya.




**LEMBAGA Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mencatat jumlah jualan keseluruhan sebanyak RM197,080 sepanjang penyertaannya dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2022.**

Mudahkan proses bancian 57,000 pesawah

# MADA lancar aplikasi MADA i-Banci

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) melancarkan Sistem Aplikasi MADA i-Banci Pesawah bagi melaksanakan proses bancian ke atas lebih 57,000 pengusaha sawah di 27 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di kawasan Muda.

Pengerusinya, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, aplikasi berkenaan dihasilkan menerusi jalinan kerjasama antara MADA dengan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Beliau berkata, aplikasi bancian MADA membantu proses bancian secara atas talian, meningkatkan produktiviti pengurusan subsidi dengan lebih efektif dan memudahkan akses rekod penanaman padi.

"Sistem ini berpotensi untuk membantu menambah baik proses pengurusan pesawah bagi keseluruhan 27 PPK di Kawasan Muda.

"Saya yakin pengusaha bersetuju menggunakan cara bancian melalui sistem aplikasi Banci MADA," katanya ketika melancarkan aplikasi itu sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2022, kelmarin.



AHMAD Tarmizi Sulaiman (tengah) menyaksikan Ahli Lembaga Pengarah Uniutama Solution Sdn Bhd, Muhammad Dimyati Abdullah (kanan) menyerahkan Hasil kajian i-Banci kepada Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli (dua kiri) pada majlis pelancaran Sistem Aplikasi MADA iBanci Pesawah, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Menurutnya, selain memaparkan maklumat bancian dan pembajak dengan jelas, pengusaha juga boleh memilih pembajak, memesan baja, mengesahkan bancian dan melakukan proses pembayaran dengan cepat dan sempurna.

Ahmad Tarmizi berkata, sebelum ini, proses bancian padi mengambil masa selama hampir sebulan khususnya bagi merekodkan kuantiti bantuan subsidi agar dapat diketahui dan pesanan boleh dibuat.

Menurutnya, jika proses bancian itu lewat diselesaikan, maka bantuan subsidi juga akan lewat diagihkan kepada pengusaha sawah.

"Di samping itu, kos penggunaan bahan seperti kertas sewaktu proses bancian, pesanan subsidi baja dan proses agihan dianggarkan menelan perbelanjaan sekitar lingkungan RM100 ribu setahun.

"Boleh dikatakan hampir setiap tahun akan berlakunya kerumitan pengurusan yang melibatkan kakitangan PPK dan pengusaha sawah terutamanya dalam kalangan warga tua bagi menyelesaikan proses bancian dan subsidi baja dan racun," katanya.

Katanya, kaedah bancian lama juga menyebabkan pengusaha sawah perlu hadir dan menunggu bagi mendapatkan pengesahan ke atas proses semakan permohonan subsidi kerana ia dilakukan secara manual menggunakan buku padi.

Jelasnya, keadaan menjadi bertambah rumit kepada kakitangan PPK untuk memastikan sama ada setiap subsidi yang diberi digunakan dengan jalan yang betul.

Tambah Ahmad Tarmizi, beliau dapat simpulkan bahawa kaedah bancian secara manual menyebabkan pengurusan dan pengesahan bancian mengambil masa yang agak lama.

"Selain kos penggunaan kertas yang tinggi juga, rekod maklumat ke atas status bancian sawah sukar diakses tanpa merujuk kepada pihak PPK," katanya.

# .ebih 20,000 sertai peraduan Nafa:

:raduan Jawab
dan Menang
ınjuran Nafas
ıpat sambutan
nenggalakkan

eh MUKHRIZ
AT HUSIN
RDANG




• Zamri (empat dari kiri) bersama para pemenang Peraduan Jawab dan Menang yang dianjurkan Nafas sempena MAHA 2022.

Peraduan Jawab dan Menang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) ıya menutup tirai selepas ıgsung selama 11 hari ıla 4 Ogos hingga 14 di Taman Ekspo Pertanian sia Serdang (Maeps).

ertandingan tersebut ber- mengumpulkan lebih 0 penyertaan daripada ınjung yang hadir ke on Nafas di Dewan A, ıs dalam Pameran ıian, Hortikultor dan Agro congan Malaysia (MAHA)

enariknya, seorang pe- ıng bertuah memenangi ıas seberat 50 gram yang ımaan dengan nilai harga RM13,000.

ımberian bar emas se- hadiah pemenang perta- u merupakan simbolik ena Jubli Emas Nafas ke-50.

eraduan berkenaan me- kan hadiah-hadiah yang menarik kepada para peserta termasuk memenangi telefon bimbit, basikal lipat, tablet, seterika stim, televisyen dan lain-lain.

Sebanyak enam peserta yang bertuah turut terpilih menjadi pemenang dan membawa pulang hadiah-hadiah yang ditawarkan itu.

Pemenang dipilih berdasarkan jawapan kepada soalan dalam kertas peraduan yang diberikan.

Kemudiannya kertas jawapan itu akan dimasukkan dalam sebuah kotak sebelum ia dicabut secara rawak.

Pemangku Pengurus Besar Nafas, Saripol Baharin Karim berkata, meskipun peraduan itu telah memasuki hari terakhir, namun penyertaan daripada kalangan pengunjung dilihat masih lagi ramai.

Ujar beliau, senarai nama pemenang-pemenang juga boleh dilihat dalam siaran langsung melalui Facebook rasmi Nafas pada Ahad.

"Kita melihat dari hari pertama sampai saat-saat akhir, sambutannya amat menggalakkan.

"Ini merupakan satu kejayaan bagi kita dalam mempromosikan Nafas itu sendiri



SARIPOL BAHARIN

supaya pengunjung mengenali lebih dekat dengan identiti organisasi pertubuhan kebangsaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* dalam majlis Penutupan Peraduan Jawab dan Menang di Pavilion Nafas di Dewan A, Maeps di sini pada Ahad.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob.

Dalam pada itu, Saripol Baharin berkata, kehadiran pengunjung pada hari terakhir dilihat lebih ramai berbanding hari biasa.

"Kalau ikut penganjur, bilangan pengunjung hari ini boleh cecah lebih daripada 200,000 dan jumlah keseluruhan kunjungan insya-ALLAH akan cecah 1.1 juta atau mungkin lebih daripada itu," ujarnya.

Beliau yang turut ditanya mengenai penglibatan Nafas dalam anjuran pameran pada masa akan datang, Saripol Baharin berkata, pihaknya akan terus memberikan sokongan dan terus menyertai program seperti itu.

"Sudah semestinya, saban tahun kita merupakan rakan strategik kepada program ini.

"Kita antara penyumbang terbesar dan sebagai pertubuhan peladang peringkat kebangsaan yang menerajui lebih kurang hampir sejuta ahl mesti dilihat sentiasa nyokong program-progra perti ini," menurut beliau.

Saripol Baharin menar pameran-pameran se MAHA 2022 wajar dilaksa serta sentiasa ditambał pada masa akan datang.

Tambahnya, sesi lelo ayam sejuk beku dari Nafas telah berjaya menj bih 2,000 pek ayam sejuk sepanjang program MAHA berjalan.

"Selain ayam pek, Nafa nawarkan pelbagai produk seperti ayam potong sekilo ayam potong 14, paha tanpa tulang, filet ayam ayam super yang dijual harga istimewa.

"Produk-produk ayam bawa kerana kita tahu ia a makanan popular n Malaysia. Jadi kita bert program ini akan dapat di kan dengan banyak lag nyertaan pempamer," jela

## INFO Pemenang

1. Mohd Aziz Mohd Rawi - b **emas 60gram**
2. Chew Lin... - **Samsung S20 FE**
3. Zahara Ramli - **Samsung A52**
4. Faridah Yahya - **Java Zel Bike 20 inci**
5. Nur Syakirah Omar - **Phil PerfectCare Compact Steam Generator**
6. Ahmad Redzuan Bedu **Samsung Tab A7 Lite**
7. Wan Zulaikha Wan Mohd Sufian - **TV Sharp 42 inci**




dana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (depan, dua dari kiri) ketika melawat reruai Nafas di MAHA 2022, Maeps, Serdang.




NA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membantu menjual ayam di gerai pameran NAFAS
ıpena MAHA di MAEPS, Serdang baru-baru ini.



KOTAK penyertaan Peraduan Jawab dan Menang menɪdapat pe
pengunjung di MAHA 2022.

Terima lebih 20,000 penyertaan Peraduan Jawab dan Menang

# NAFAS umum pemenang hadiah utama bar emas 50g

ıHMAD SHAHERMAN
ɪURI

ING JAYA – Pertubuhan
ng Kebangsaan (NAFAS)
ma kira-kira 20,000
taan menerusi peraduan
dan menang yang
ıarkan hadiah utama bar
eberat 50gram.
angku Pengurus Besar
, Saripol Baharin Karim
a, hadiah tersebut adalah
k Jubli Emas NAFAS yang
ang ditawarkan di gerai
ın NAFAS sepanjang
ın Pertanian, Hortikultur
ro Pelancongan Malaysia
ı 2022.
au berkata, selain hadiah
as tersebut, pihaknya
ıenawarkan pelbagai
lain termasuk telefon
, basikal lipat, tablet,
a stim, televisyen dan
ai lagi hadiah-hadiah yang

ıa hari ini (semalam) kita
ıenjalankan sesi cabutan
h bagi peraduan jawab
nang di gerai pameran
di Dewan A, Taman
Pertanian Malaysia
S), Serdang.
i cabutan bertuah itu
ita siar secara langsung di
ook dan pemenang untuk
utama dan hadiah-hadiah
ut kita umumkan hari
ıalam),"katanya ketika
ı pada sesi cabutan
h itu semalam.
ıt hadir pada majlis
n bertuah peraduan
dan menang adalah Ketua
aha (KSU) Kementerian
ıan dan Industri Makanan
, Datuk Haslina Abdul
Pengerusi Jemaah
ah NAFAS, Datuk Zamri
, serta beberapa ahli
ı pengarah NAFAS.
ı majlis itu, Mohd. Aziz
Rawi, 38, dari Batu Caves,
or telah dinobatkan
i hadiah utama bar emas



ZAMRI (tiga dari kanan) dan Haslina (dua dari kanan) menunjukkan hadiah yang diserahkan kepada pemenang bertuah yang memenangi Peraduan Jawab dan Menang.



SARIPOL BAHARIN

seberat 50gram.

Tambah Saripol Baharin, NAFAS sangat berterima kasih kepada semua pengunjung yang



HASLINA sedang membuat membuat cabutan borang penyertaan peraduan yang diisi dalam kotak khas.

**Info Pemenang**

- Mohd. Aziz Mohd. R
  – Bar emas 50gram
- Chew Lin lin
  – Samsung S20 FE
- Zahara Ramli
  – Samsung A52
- Faridah Yahya
  – Java Zelo Bike 20 i
- Nur Syakirah Omar
  – Philips PerfectCar
  Compact Steam Ger
- Ahmad Redzuan Be
  – Samsung Tab A7 L
- Wan Zulaikha Wan N
  Sufian – TV Sharp 4

telah menyertai pertandi
itu.

"Saya tidak menyangk
kita menerima lebih 20,0
penyertaan pada peradu
jawab dan menang ini," u

Tambah beliau, selain
peraduan tersebut, NAF
menjalankan pelbagai se
dan lelongan kepada sem
pengunjung MAHA.

Katanya, bagi sesi lelo
ayam sejuk beku pihakny
berjaya menjual lebih 2,0
ekor ayam sejuk beku dal
sekilogram sepanjang MA
berlangsung.

"Selain ayam pek, NAF
menawarkan pelbagai pr
ayam seperti ayam poto
sekilogram, ayam potong
paha ayam tanpa tulang,
ayam dan ayam super ya
dijual pada harga istimew
katanya.

# 39 usahawan MID, SEDCO sertai MAHA 2022

Oleh Yap Siong Han

**SELANGOR:** Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Dr. Joachim Gunsalam meluangkan masa melawat Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 semasa lawatan kerjanya ke Selangor kelmarin.

Beliau bersama rombongan Kementerian Pembangunan Perindustrian (MID) juga bertemu dengan usahawan di bawah kementerian yang menyertai MAHA kali ini.

Seramai 39 usahawan di bawah MID, SEDCO menyertai MAHA 2022 yang berlangsung selama 10 hari bermula 4 Ogos lepas.

Dalam kunjungan itu, Joachim disambut oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang juga Ahli Parlimen Beluran Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Hadir sama ialah Pengurus Besar Kumpulan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) Haizar Razif Hisham Ajaz Nabijan dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) Cecelia Amid.



**KENANGAN:** Joachim (tengah) merakamkan gambar kenangan bersama usahawan semasa mengadakan lawatan MAHA 2022.

# Kerajaan akan bincang cadangan eksport semula ayam

**SERDANG:** Kerajaan akan membincangkan cadangan untuk membenarkan semula eksport ayam ke luar negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, ia susulan permohonan dari penternak yang mahu kerajaan mengkaji semula larangan eksport itu.

"Kita akan bincang dan kalau rasa kita boleh benarkan eskport, dan dari segi bekalan dalam negara tidak berkurangan kerana eksport itu, mungkin kita boleh pertimbangkan untuk semak semula (larangan eksport)," katanya di sini, baru-baru ini.

"Ini sedang dibincangkan dan akan dibentangkan (Menteri Pertanian dan Industri Makanan), Datuk Seri (Dr) Ronald (Kiandee) secara terperinci, berapakah jumlah pengeluaran ayam untuk bulan depan. Adakah akan memberi kesan kalau kita lepaskan (benarkan) eksport.

"Kita takut nanti buka eksport 3.6 juta ekor sebulan, kalau kita buka (eksport), takut terkesan pula dari segi bekalan dalam negara. Bila bekalan kurang, harga mesti naik kerana permintaan melebihi penawaran. Sebab itu saya minta MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) tengok secara terperinci dari segi unjuran pengeluaran ayam untuk bulan depan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pavilion Pahang pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan melihat kepentingan semua pihak supaya sebarang keputusan yang diambil mengenai eksport ayam, tidak akan memberi kesan kepada rakyat, dan menurutnya beliau percaya unjuran pengeluaran ayam itu akan dapat dibentangkan oleh MAFI minggu ini.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, beliau turut mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyenaraikan barangan yang telah turun harga serta barangan yang masih belum turun harga.

"Ini bertujuan membolehkan kerajaan memberi fokus untuk usaha menurunkan harga barang bagi menjamin keselesaan rakyat," katanya.

Sementara itu ketika mengulas mengenai isu kebocoran data peribadi yang didedah syarikat penyedia penyelesaian pembayaran dalam talian iPay88 Sdn Bhd, Ismail Sabri berkata, ia akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet.

"Ini kerana terdapat beberapa cadangan suruh buat RCI (Suruhanjaya Siasatan Diraja) dan macam-macam. Kita akan bawa ke Kabinet kerana perkara itu perkara besar," katanya. - Bernama



**BANTU...** Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob singgah di gerai penyediaan makanan ketika mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), baru-baru ini. • Foto BERNAMA




Harden (second left) pays a visit to Sarawak booths exhibiting local chocolates at Maha 2022.

# Harden eyes prospects in agriculture at Maha 2022

**KUCHING:** Deputy Minister of Education, Innovation and Talent Development II Datuk Francis Harden Hollis recently visited the Malaysian Agriculture, Horticulture & Agro-tourism (Maha) Exhibition 2022 in Serdang to review prospects of modern agriculture.

The Simanggang assemblyman's visit to Maha 2022 was aimed at learning and knowing about aspects of commercial agriculture which can be introduced to farmers in Sarawak, especially in his constituency.

"The food industry in the country depends a lot on agricultural development and this situation makes agricultural activities to be considered as a source of income for farmers who cultivate their land on a large scale.

"In addition to that, agriculture can generate income by providing integrated agricultural parks and promoting them as agrotourism," said Harden.

After a two-year hiatus, Maha 2022 was held from Aug 6-14.